

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,  
PARLIMEN KEEMPATBELAS**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : YB TUAN BARU BIAN (SELANGAU)**

**TARIKH : 29 NOVEMBER 2021 (ISNIN)**

**SOALAN**

**TUAN BARU BIAN [ SELANGAU ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sama ada suami yang bukan warganegara yang hendak menetap di Malaysia selepas bercerai dari isteri mereka yang berbangsa Malaysia berhak untuk menetap di Malaysia.

**JAWAPAN**

Tuan Yang Di Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Imigresen Malaysia tidak mengeluarkan sebarang pas yang setaraf dengan Pas Lawatan Sosial Jangka Panjang Kategori Janda kepada lelaki warga asing yang telah bercerai dengan warganegara Malaysia.

Sehubungan itu, pertimbangan terhadap lelaki warga asing yang telah bercerai dengan warganegara Malaysia untuk berada di Malaysia adalah tertakluk kepada kebenaran oleh Jabatan Imigresen Malaysia.